

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI)

TARIKH: 14 OGOS 2019

MUKA SURAT: 2



DR. MAHATHIR MOHAMAD bersama Maszlee Malik (dua dari kiri) melihat kandungan buku manual Kesedaran Sivik dan Amalan Nilai Murni Dalam Kalangan Murid Sekolah Menengah dan Modul Pendidikan Sivik Sekolah Kebangsaan semasa Pelancaran Pendidikan Sivik Peringkat Kebangsaan di Putrajaya, semalam. - UTUSAN/RASHID MAHFUF

PM malu tandas kotor

Oleh YULPISMAN ASLI dan HAKIMI ISMAIL
pengarang@utusan.com.my

■ PUTRAJAYA 13 OGOS

PERDANA Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad malu dengan keadaan tandas awam di negara ini yang tidak bersih dan busuk sekali gus mencerminkan sikap rakyat Malaysia tidak mempunyai kesedaran sivik yang tinggi.

Dr. Mahathir berkata, Malaysia juga berdepan masalah sivik dalam kalangan masyarakat yang melakukan pelbagai perkara tidak baik seperti membuang sampah merata-rata dan mencuri air, paip, elektrik serta lampu-lampu jalan.

"Saya malu kerana saya sering kali pergi *inspection* (memeriksa) tandas di Malaysia untuk tengok bersih atau tidak dan biasanya tidak dan busuk. Itu mencerminkan sifat yang ada pada kita, sepatutnya kita berasa malu dengan keadaan itu.

"Sekarang kita mempunyai masalah sampah di sekeliling yang dibuang merata-rata tempat selain kes kecurian air, paip, elektrik dan juga lampu jalan. Ini berlaku kerana kita tiada nilai sivik yang tinggi," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap semasa Majlis Pelancaran Pendidikan Sivik Peringkat Kebangsaan 2019 anjuran Kementerian Pendidikan di sini, hari ini yang turut dihadiri Menteri Pendidikan, Dr. Maszlee Malik.

Menurut Dr. Mahathir, ketika ini, usaha mendidik dalam bidang sivik menjadi satu perkara yang penting kerana ia mempunyai hubung kait dengan kehidupan masyarakat dalam menyumbang kepada kebaikan dan kesejahteraan.

"Ketika ini, usaha mendidik bukan sahaja tanggungjawab ibu bapa semata-mata kerana bukan semua ibu bapa mempunyai pegangan yang baik kepada nilai-nilai yang mulia. Oleh

kerana itu mungkin apa yang diajar, disampaikan dan disemai dalam hati anak-anak mereka tidak begitu baik.

"Oleh kerana itu, kita perlu susun nilai hidup terbaik yang perlu diterap kepada anak-anak. Ini menjadikan satu daripada tugas pendidikan dalam membentuk masyarakat yang bertanggungjawab dan kita juga perlu tentukan apakah sifat yang perlu ada," katanya.

Sehubungan itu, Dr. Mahathir berharap, pendidikan sivik yang diperkenalkan di sekolah sejak Jun lalu akan membentuk masyarakat dan individu di Malaysia yang bertanggungjawab, prihatin, bertimbang rasa terhadap pihak lain.

Dalam pada itu katanya, pendidikan sivik di sekolah tidak akan menjadi beban kepada guru atau murid sebaliknya ia bertujuan mengajar nilai tanggungjawab, disiplin dan menentukan alam sekitar tidak dicemar dengan perbuatan tidak bertanggungjawab.

Pendidikan sivik sejam setiap bulan

PUTRAJAYA 13 Ogos - Kementerian Pendidikan menetapkan, pendidikan sivik dilaksanakan selama satu jam pada minggu keempat setiap bulan, bermula Jun lalu.

Menterinya, Dr. Maszlee Malik berkata, ia dilaksanakan dalam waktu mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Pendidikan Islam, Pendidikan Moral dan Sejarah.

"Kita cuba mengelakkan berlakunya pertambahan waktu yang kemudiannya menjadi beban kepada para guru dan murid.

"Anak-anak kita di prasekolah pula akan diajar pendidikan sivik selama 30 minit. Dan dalam masa yang sama, pendidikan sivik turut dilak-

sanakan dalam perhimpunan dan aktiviti kokurikulum," katanya berucap dalam Majlis Pelancaran Pendidikan Sivik Peringkat Kebangsaan di sini hari ini.

Menurut Maszlee, pihak kementerian telah menyediakan perincian pemetaan pendidikan sivik dan membangunkan Modul Exemplar Pendidikan Sivik, Manual Perhimpunan Sekolah dan Amalan Nilai Murni serta Manual Amalan Pendidikan Sivik dalam kokurikulum untuk membantu guru melaksanakan pendidikan sivik seperti dihasratkan.

"Yang pasti guru diberi ruang untuk melaksanakannya secara kreatif mengikut keperluan dan kesesuaian," jelasnya.

Tambah Maszlee, pelaksanaan pendidikan sivik dilakukan secara bersepadu dan holistik dengan memberi penekanan terhadap literasi serta amali, di dalam dan luar bilik darjah melibatkan pihak sekolah, komuniti, swasta dan kementerian.

Literasi sivik adalah rangkaian pengetahuan kewarganegaraan, sosioemosi kewarganegaraan dan tindakan kewarganegaraan yang tersurat dalam kurikulum dan perlu dikuasai oleh murid.

Sementara amali sivik pula memberi ruang dan peluang kepada murid untuk mengaplikasikan literasi sivik secara praktikal dalam perhimpunan sekolah, aktiviti kokurikulum dan program sekolah.